

**KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERHAD  
ATURAN PENEBUSAN SYER**

**1. TAJUK**

- (1) Aturan ini dinamakan "Aturan Penebusan Syer" Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad" atau ringkasnya "Aturan Penebusan Syer"

**2. TAFSIRAN**

- (1) Dalam aturan-aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain :-
- a) "Akta" ertinya Akta Koperasi 1993
  - b) "Undang-undang Kecil" ertinya Undang-undang Kecil Koperasi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad.
  - c) "Aturan" ertinya aturan-aturan Modal Syer dan sebarang pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
  - d) "Penebusan" ertinya menggantikan semula modal syer yang dikeluarkan.

**3. TUJUAN**

- (1) Aturan ini diwujudkan bertujuan untuk menebus semula modal syer anggota koperasi yang dikeluarkan disebabkan terhenti menjadi anggota mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi 21(1).

**4. MODAL DAN SUMBER KEWANGAN**

- (1) Peruntukan dari keuntungan Koperasi ini yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan mengikut Undang-undang Kecil 66(2)(f); dan
- (2) Sumber dari pembahagian keuntungan koperasi bagi setiap tahun kewangan.
- (3) Pulangan dari pelaburan wang ini yang dilaburkan dalam saham-saham swasta atau awam, Bon-bon Kerajaan atau mana-mana bank dan institusi kewangan berlesen yang diluluskan syariah
- (4) Lembaga berkuasa menggunakan lain-lain sumber kewangan apabila perlu bagi mengukuhkan kewangan bagi tujuan ini.

**5. KELAYAKAN PENEBUSAN**

- (1) Jika seseorang anggota yang terhenti keanggotaannya mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi 21(1) dan pemindahan tidak dapat dibuat menurut Undang - Undang Kecil Koperasi 59, maka syer-syer yang diperihalkan di dalam Undang-Undang Kecil itu bolehlah ditebus oleh Koperasi.
- (2) Syer-syer boleh ditebus hanya dari Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer-syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi itu akan tetapi tidaklah boleh melebihi nilai asalnva.

- (3) Pertambahan Modal Syer disebabkan penerimaan anggota baru di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi 15, maka Modal Syer yang berlebihan haruslah dikeluarkan kepada Kumpulan Wang Penebusan Syer supaya nilai Modal Syer bersamaan akaun terakhir koperasi itu tetapi tidak melebihi nilai asal Modal Syer tersebut.

**6. TAKRIF**

Jika timbul sebarang perbezaan takrif mengenai Aturan ini, maka takrif Lembaga adalah muktamad.

**7. PINDAAN KEPADA ATURAN**

- (1) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Undang-undang Kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (2) Lembaga Koperasi ini, dengan persetujuan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam Aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Kumpulan Wang ini.

**Diakui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ke 83 pada 30 APRIL 2011**

**KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERHAD**

.....  
( ABDUL RAZAK BIN MANSOR )  
PENGERUSI

.....  
( ABU BAKAR BIN KASIM )  
ANGGOTA LEMBAGA

.....  
( ISHAK BIN HUSSAIN )  
ANGGOTA LEMBAGA